



ANALISIS SEMANTIK LEKSIKAL DALAM NOVEL SANGKAR KARYA SAMSIAH MOHD. NOR

(Lexical Semantics Analysis in Sangkar Novel by Samsiah Mohd. Nor)

Siti Farida Salleh^{1*}, Yazid Yahya¹, Mary Fatimah Subet¹, Muhammad Zaid Daud¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: sfaridasalleh@gmail.com

Received: 17 January 2020 • Accepted: 12 February 2020 • Published: 30 April 2020

Abstract

Novel is one of the mediums of non-verbal communication that the author wishes to convey to the reader. Through the reading of this novel, the reader can experience a wide range of emotions. Whether it's sad, happy, excited and so on. Therefore, this study will explore the meaning behind the novel entitled "Sangkar" by Samsiah Mohd. Nor. The novel was published in 2010 through the publication of Alaf 21 Sdn. Bhd. There are 248 pages and 26 chapters for this novel. This study is a qualitative study consisting of annotated text analysis as well as a simple quantitative approach to finding lexical frequency and complexity in this Sangkar novel. To analyze this novel the researcher will apply a lexical semantic approach. Through this lexical semantic approach it is possible to classify lexical types into synonyms, antonyms, hyponyms, polysemic, homonyms, homophones, homographs, metonyms and meronyms. Based on the findings of this study, the frequency and percentage of total lexical semantics recorded a frequency value of 1019 (100%) lexical only. However, through the novel there was only partial lexical semantics comprising; antonyms–442 (43.37%), synonyms–218 (21.39%), meronyms–185 (18.15%) and hyponyms–174 (17.07%). It can be concluded that through this lexical semantic approach it is possible to classify different lexical groups into the same group of meanings.

Keywords: Lexical semantics, meaning, novel, general reading

Abstrak

Novel merupakan salah satu medium komunikasi bukan lisan yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Melalui pembacaan novel, pembaca dapat merasai emosi yang pelbagai. Sama ada sedih,

gembira, teruja dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan meneroka makna di sebalik novel yang bertajuk “Sangkar” oleh Samsiah Mohd. Nor. Novel ini diterbitkan pada tahun 2010 melalui penerbitan Alaf 21 Sdn. Bhd. Terdapat 248 muka surat dan 26 bab bagi novel ini. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu analisis teks yang telah dibukukan serta pendekatan kuantitatif mudah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel Sangkar ini. Bagi menganalisis novel ini pengkaji, akan mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal. Melalui pendekatan semantik leksikal ini, pengkaji dapat mengelaskan jenis leksikal kepada sinonim, antonim, hiponim, polisim, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim. Melalui dapatan kajian ini, jumlah kekerapan dan peratusan bagi keseluruhan semantik leksikal ini mencatat nilai kekerapan sebanyak 1019 (100%) leksikal sahaja. Namun begitu, melalui novel ini, hanya terdapat pecahan semantik leksikal yang terdiri daripada antonim–442 (43.37%), sinonim–218 (21.39%), meronim–185 (18.15%) dan hiponim–174 (17.07%). Dapat dirumuskan bahawa, melalui pendekatan semantik leksikal ini, membolehkan pelbagai golongan leksikal yang berbeza dikelaskan dalam golongan makna yang sama.

Kata kunci: Semantik leksikal, makna, novel, bacaan umum

Cite as: Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.

PENGENALAN

Bahasa merupakan sistem komunikasi yang penting bagi manusia sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lisan. Bahasa digunakan sebagai alat yang paling berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat serta berhubung dengan masyarakat (Noor, 2010). Namun hal yang demikian, tanpa bahasa yang jelas dan bermakna, komunikasi yang mempunyai makna tidak akan berlaku.

Novel pula, merupakan salah satu medium penulisan yang digunakan untuk berhubung dengan masyarakat dalam menyampaikan nilai-nilai budaya, pendidikan, sosial dan moral. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2005), novel didefinisikan sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Novel adalah bentuk karya sastera yang paling popular kerana banyak dicetak dan diedarkan kepada masyarakat. Novel juga merupakan kisah yang dibukukan dan dianggap sebagai sebuah karya fiksi yang mengandungi imaginasi pengarang mahupun penulis (Adenan, Kayad & Daud, 2018).

Memandangkan novel merupakan salah satu alat yang digunakan untuk berkomunikasi dengan masyarakat yang melibatkan penggunaan bahasa sebagai unsur yang unik dan dinamik dengan mengaplikasikan pelbagai pendekatan sebagai teori seperti pendekatan semantik. Oleh sebab itu, novel dikategorikan sebagai komunikasi bukan lisan kerana novel merupakan satu alat dalam bentuk penulisan yang tidak diucapkan dalam menyampaikan sesebuah penceritaan kepada khalayak ramai. Dalam sebuah novel juga, didapati begitu sarat dengan wacana kemasyarakatan yang meliputi aspek seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kehidupan masyarakat (Jamin & Subet, 2018; 2020).

Bidang semantik merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik. Perkataan semantik ini berasal daripada perkataan Greek “semantikos” yang membawa maksud “erti yang penting”. Menurut Aziz (2009), semantik ialah bidang kajian tentang aspek makna dalam bidang ilmu linguistik dan sebahagian daripada bidang kajian tatabahasa secara khusus, iaitu merujuk kepada kajian yang melibatkan struktur dalam sesuatu bahasa seperti aspek kajian fonologi, morfologi dan sintaksis. Perkara ini dapat disimpulkan bahawa semantik merupakan kajian makna tentang sesuatu istilah yang disampaikan. Pengkajian bidang semantik begitu luas skopnya. Contohnya, kajian semantik inkuisitif merupakan pendekatan terkini untuk mencungkil makna implisit. Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian semantik inkuisitif seperti Jalaluddin (2014a; 2014b; 2015), Nopiah, Jalaluddin dan Kasdan (2017a; 2017b; 2018), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b), Subet dan Nasir (2019) serta Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d).

Terdapat beberapa jenis kajian makna dalam bahasa Melayu antaranya ialah makna afektif, makna konseptual, makna leksikal, makna kolokatif, makna denotatif dan konotatif (Subet & Daud, 2016; 2017; 2018) dan sebagainya. Makna leksikal merupakan salah satu daripada jenis-jenis makna bidang semantik yang terdapat dalam bahasa Melayu. Makna leksikal merupakan makna yang tersurat, tersirat, makna umum atau makna perkamusan. Makna leksikal ialah satu subbidang linguistik yang merujuk kepada kajian tentang apa yang disampaikan atau dimaksudkan oleh sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa. Makna-makna yang terdapat dalam kamus dalam kamus juga dikenali sebagai makna leksikal kerana makna tersebut sendiri tanpa melibatkan sebarang penggunaannya dalam ayat. Makna bagi semantik leksikal boleh disampaikan dengan meninjau perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk struktur makna bagi sesuatu perkataan. Menurut Chaer (2009), makna leksikal adalah bentuk perkataan yang diturunkan dari leksikon iaitu kosa kata dan perbendaharaan kata. Satuan daripada leksikon adalah leksem, iaitu satuan bentuk bahasa yang bermakna. Struktur makna leksikal bagi sesuatu perkataan dikenali sebagai istilah sinonim, antonim, homonim, hipernim, homofon, homograf, hiponim, polisemi, meronim, pertindihan dan ketaksaan.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal dengan menganalisis sebuah teks bertulis iaitu novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Pengkaji telah menemui beberapa perkataan yang berkaitan dengan konsep semantik leksikal yang digunakan dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Antara konsep semantik leksikal tersebut ialah sinonim, antonim, hiponim dan meronim. Konsep dan definisi setiap semantik leksikal tersebut akan dibincangkan pada bahagian dapatan kajian.

KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur ini akan membincangkan serta menghuraikan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan konsep semantik leksikal. Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan konsep semantik leksikal seperti kajian mengenai konsep sinonim, antonim, polisemi dan sebagainya terhadap bahan-bahan penulisan. Pengkaji telah menemui tiga kajian mengenai semantik leksikal iaitu hasil kajian oleh Zulfadinamis dan Salleh (2015), Hamid (2014) dan Zahid (2019). Soroton literatur ini dibahagikan kepada kajian yang berkaitan dengan semantik leksikal umum dan kajian semantik leksikal berdasarkan sebuah teks bertulis iaitu novel.

Kajian semantik leksikal umum adalah berdasarkan kajian Hamid (2014) yang bertajuk “Polisemi kata hubung ‘dengan’ dalam novel karya A. Samad Said: Satu analisis dari sudut teori relevan”, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan fungsi kata hubung dalam ayat berlandaskan teori relevan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya

membincangkan satu jenis kata tugas sahaja iaitu kata hubung. Pengkaji menyatakan bahawa bentuk polisemi ini ialah satu bentuk yang termasuk dalam konteks dan seperingkat dalam bidang semantik serta menjadi salah satu aspek terpenting dalam bidang perkamusan. Pengkaji mendapati bahawa kata hubung amat penting dalam menjalinkan ayat demi ayat atau kata demi kata mahupun frasa demi frasa. Kajian ini jelas memaparkan dengan jelas bahawa kata hubung ‘dengan’ ini mengandungi satu makna teras dan lapan makna pinggir berdasarkan Kamus Dewan. Contohnya, kata hubung ‘dengan’ ini membawa maksud (ber) serta, bersama, disertai (oleh) dan ditemani (oleh). Dalam kajian ini juga, pengkaji juga menyatakan bahawa prinsip teori relevan ini lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar.

Dalam teori relevan terdapat tiga perkara asas yang ditekankan iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Antara contoh dapatan kajian ialah ayat dialog “Zarina tak sukakan kau itu kerana kau main mata dengan Nadhirah”. Pengkaji telah berpendapat bahawa ayat ini boleh membawa maksud yang berlainan iaitu seorang manusia sedang bermain dengan salah satu indera manusia lain atau seseorang yang telah bermain mata dengan Nadhirah. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa maklumat pragmatik dapat membantu makna sesuatu ayat bahasa semula jadi diinterpretasikan dengan tepat oleh pendengar sama seperti makna yang ingin disampaikan oleh penutur.

Seterusnya, sorotan kajian yang berkaitan dengan analisis kekerapan semantik leksikal pula berfokuskan kepada kajian yang bertajuk “Kata kerja dan hubungan leksikal dalam iklan produk kecantikan wanita” oleh Zahid (2019). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan kata kerja yang lazim dalam iklan produk kecantikan muka dan menganalisis hubungan leksikal kata kerja yang lazim dalam iklan produk kecantikan muka. Pengkaji telah menggunakan 4 metodologi kajian bagi menyempurnakan kajian ini iaitu kaedah kajian pustaka, syot layar (*screenshot*), analisis frekuensi dan analisis teks. Kajian ini memperlihatkan analisis frekuensi yang dilakukan memperlihatkan dapatan kata kerja bagi kedua-dua jenama iaitu D’HERBS dan Vide Beauty yang berjumlah 205 dengan kata kerja yang lazim digunakan untuk “mencerah/ mencerahkan”, 36 (17.56%) dan perkataan yang paling rendah kekerapan penggunaannya dalam produk kecantikan ialah kata kerja “membuang”, “menganjal”, “menghilangkan” dan ‘membersihkan’.

Kesimpulannya, melalui kajian ini, kata kerja dalam slogan dan penerangan iklan digunakan oleh pengiklan secara terancang iaitu dari aspek makna yang dirujuk untuk menarik perhatian serta minat sasarannya. Oleh itu, ketiga-tiga sorotan kajian di atas sangat berkait rapat dengan kajian ini dan dijadikan rujukan kerana boleh membantu pengkaji untuk menghuraikan serta membincangkan semantik leksikal daripada novel “Sangkar” dengan lebih terperinci dan jelas.

Kajian semantik leksikal berdasarkan sebuah teks bertulis iaitu novel berfokus kepada kajian Zulfadinamis dan Salleh (2015) yang bertajuk “Konsep sinonim dalam teks terjemahan novel “The Pearl” ke dalam bahasa Melayu oleh Abdullah Hassan” bertujuan untuk mengenal pasti padanan kata yang bersifat sinonim dalam teks terjemahan dan teks sumber dan untuk menganalisis padanan kata yang bersifat sinonim secara sistematik. Pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan analisis teks. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa penyelidik bahasa perlu melihat penggunaan anggota dalam sinonim dengan lebih teliti dari segi penggunaan setiap kata tersebut. Sebagai contoh penggunaan bagi perkataan “ibu” tidak seratus peratus sama makna dengan perkataan “emak”. Hal ini berlaku kerana perkataan “ibu” bukan sahaja digunakan merujuk kepada manusia bahkan turut digunakan kepada makhluk lain seperti haiwan dan benda iaitu berbeza dengan penggunaan perkataan emak yang hanya diterapkan kepada manusia sahaja. Beliau menyatakan

perbezaan karya “The Pearl” dari bahasa sumber bahasa Inggeris (BI) dengan bahasa sasaran dalam bahasa Melayu (BM) dilihat dari segi leksikal dalam memilih istilah kata yang sesuai dengan pengertian ayat terjemahan BM menunjukkan kebebasan meminjam istilah-istilah asing daripada karya asal “The Pearl”.

Dalam kajian ini, pengkaji turut mengenal pasti beberapa petikan yang mengandungi pelbagai makna sekiranya padanan kata (sinonim) tidak sesuai berdasarkan konteks dan situasi teks sumber. Padanan kata yang sama ada sesuai atau tidak mengikut konteks ayat akan mempengaruhi erti dan gambaran asal yang dimaksudkan oleh pengarang. Pengkaji turut menyatakan bahawa pemilihan leksikal yang bersesuaian dengan ayat dapat mengelakkan kesalahan tatabahasa seperti ayat lewah sehingga menimbulkan dua makna yang berlainan. Oleh sebab itu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini memperlihatkan penterjemah telah mengaplikasikan komponen sinonim dalam struktur kata, konteks pentafsiran ayat, kaedah penterjemahan, dan budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dinyatakan, kajian semantik leksikal dalam sebuah teks bertulis amat menarik untuk dikaji. Dengan itu, kajian ini akan menggunakan novel Sangkar bagi memperlihatkan penggunaan variasi leksikal seperti sinonim, antonim, meronim dan hiponim melalui kaedah kuantitatif iaitu analisis dokumen. Selain itu, pengkaji turut memperlihatkan bilangan kekerapan semantik leksikal yang telah digunakan oleh penulis mengikut konteks penggunaan yang sesuai.

Oleh itu, pengkaji telah merujuk sorotan kajian lepas untuk mengenal pasti bagaimana pengkaji-pengkaji tersebut mengaplikasikan kajian menggunakan kaedah kuantitatif terhadap sebuah teks bertulis khususnya kajian semantik leksikal secara umum mahupun hanya berfokus kepada jenis-jenis semantik leksikal tertentu sahaja.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi objektif kajian berikut:

- a) Mengetahui dan menganalisis kekerapan penggunaan semantik leksikal yang lazim digunakan dalam novel Sangkar oleh Samsiah Mohd. Nor.
- b) Membincangkan semantik leksikal dari segi pemerian dan hubungan makna yang terdapat dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd Nor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis sebuah teks bertulis atau dokumen. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kuantitatif mudah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel Sangkar ini. Proses menganalisis sebuah teks bertulis ini bertujuan untuk menepati objektif kajian ini iaitu mengenal pasti kekerapan penggunaan semantik leksikal dan menerangkan semantik leksikal tersebut dari segi pemerian dan hubungan makna dalam novel Sangkar.

Novel ini dijadikan instrument utama dalam menjalankan penyelidikan bagi menyempurnakan kajian semantik leksikal ini. Novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor (2010) ini, mempunyai 26 bab dan 244 muka surat. Pengkaji telah menggunakan data korpus daripada novel Sangkar bagi menyenaraikan bilangan kekerapan penggunaan semantik leksikal seperti sinonim, antonim, hiponim dan meronim. Data korpus ini juga digunakan

untuk membincangkan semantik leksikal tersebut dari segi pemerian dan hubungan makna dalam novel Sangkar.

Selain itu, proses pengutipan data turut dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan sebuah teks bertulis iaitu novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Proses kutipan data ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis-jenis semantik leksikal yang digunakan serta jumlah kekerapan pengulangan setiap kata dalam kelompok semantik leksikal tersebut dalam novel Sangkar. Perkara ini bertujuan untuk memastikan setiap data yang diperoleh adalah sahih dan bertepatan dengan objektif kajian. Perkara pertama yang dilakukan oleh pengkaji dalam kutipan data korpus ini ialah dengan membuat bacaan pertama bagi keseluruhan novel dan mengenal pasti setiap kata yang tergolong dalam semantik leksikal yang digunakan oleh pengarang dalam novel Sangkar.

Langkah seterusnya adalah dengan membuat bacaan kali kedua bagi mengira dan menganalisis penggunaan semantik leksikal dalam keseluruhan bab novel Sangkar tersebut. Seterusnya, data dan bilangan kekerapan penggunaan data korpus yang telah diperoleh akan dikelaskan dalam kelompok leksikal masing-masing seperti sinonim, antonim, hiponim dan meronim dan dianalisis dalam bentuk jadual. Kesimpulannya, sebanyak 7 kelompok data bagi sinonim, 14 kelompok antonim, 6 kelompok hiponim dan 2 kelompok meronim telah diperoleh sepanjang menjalankan kaedah kuantiti terhadap sebuah teks bertulis iaitu novel Sangkar.

HASIL KAJIAN

Pada bahagian analisis dan perbincangan kajian ini, pengkaji akan menyenaraikan serta membincangkan kekerapan penggunaan semantik leksikal yang lazim digunakan dalam novel Sangkar oleh Samsiah Mohd. Nor serta dari segi pemerian dan hubungan makna yang terdapat dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd Nor. Data korpus yang telah diperoleh diletakkan pada bahagian lampiran untuk dijadikan rujukan. Selain itu, pengkaji hanya akan membincangkan 3 kelompok semantik leksikal yang tertinggi dan 1 kelompok semantik leksikal yang terendah bagi setiap jenis semantik leksikal iaitu antonim, sinonim, hiponim dan meronim.

Antonim

Antonim merujuk kepada pertentangan makna. Berdasarkan Kuiper dan Allan (2010), antonim didefinisikan sebagai perkataan yang berlainan bentuk ejaan atau bunyi tetapi mempunyai makna yang berlawanan. Contohnya bagi perkataan gemuk-kurus, kecil-besar dan hitam-putih. Antara ragam antonim ialah antonim komplementer iaitu pasangan yang saling melengkapi, antonim berperingkat iaitu kenegatifan sesuatu kata tidak bersinonim dengan kata lain, antonim relasional iaitu menggambarkan makna yang simetrikal bagi anggota pasangannya dan antonim respirokal iaitu mengandungi pasangan yang berlawanan atau bertentangan dalam makna tetapi fungsinya berkait rapat serta hubungan itu merupakan timbal balik atau resiprokal. Namun hal yang demikian, pengkaji tidak menemukan kesemua jenis antonim tersebut dan hanya sebahagian daripadanya iaitu antonim komplementer dan antonim relasional.

Antonim Komplementer

Antonim komplementer merupakan pasangan yang saling melengkapi iaitu satu tidak akan sempurna apabila tidak disertakan dengan satu lagi. Berdasarkan data yang diperoleh dalam novel Sangkar menunjukkan penggunaan perkataan antonim komplementer. Penggunaan perkataan antonim komplementer di dalam novel Sangkar dapat dikelaskan mengikut jumlah kekerapan penggunaan perkataan antonim tertinggi dan terendah.

Jadual 1: Kekerapan penggunaan leksikal antonim komplementer dalam novel Sangkar

Bil.	Perkataan Antonim Komplementer	Jumlah Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Menangis	38	9.52
	Ketawa/ tertawa	15	3.75
	Jumlah	53	13.27
2.	Kecil/ berkecil	85	21.30
	Besar/ membesarkan/ dibesarkan	25	6.27
	Jumlah	110	27.57
3.	Rajin	3	0.75
	Malas	5	1.25
	Jumlah	8	2.00
4.	Tua	90	22.55
	Muda	12	3.01
	Jumlah	102	25.56
5.	Hodoh	3	0.75
	Cantik	16	4.01
	Jumlah	19	4.76
6.	Gelap	9	2.25
	Cerah	5	1.25
	Jumlah	14	3.50
7.	Panas/ Kepanasan	5	1.25
	Sejuk/ Kesejukan	10	2.50
	Jumlah	15	3.75
8.	Rendah	1	0.25
	Tinggi	10	2.50
	Jumlah	11	5.01
9.	Pendek	1	0.25
	Panjang	19	4.76
	Jumlah	20	5.01
10.	Baik	41	10.27
	Buruk	6	1.50
	Jumlah	47	11.77
Jumlah Keseluruhan		399	100

Penggunaan perkataan kelompok antonim komplementer yang paling tinggi kekerapannya ialah perkataan “kecil / berkecil” 85 kekerapan dengan peratusan (21.30%) dan “besar / membesarkan / dibesarkan” sebanyak 25 kekerapan dengan peratusan (6.27%). Penggunaan semua perkataan antonim tersebut menunjukkan kekerapan yang tinggi berjumlah sebanyak 110 kekerapan dengan peratusan tertinggi sebanyak (27.57%). Penggunaan perkataan antonim komplementer dengan kekerapan terendah juga dapat diperoleh berdasarkan dapatan kajian iaitu penggunaan perkataan kelompok antonim “gelap” sebanyak 9 kekerapan dengan peratusan (2.25%) dan “cerah” sebanyak 5 kekerapan dengan peratusan (1.25%). Penggunaan semua perkataan dalam

kelompok antonim komplementer tersebut menunjukkan kekerapan yang rendah berjumlah 14 kekerapan (3.50%). Manakala perkataan antonim yang berbaki memperlihatkan julat kekerapan di antara 15-102 (3.75%-25.56%). Dapatan analisis frekuensi ini ditunjukkan di Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan kelompok antonim komplementer yang kedua mencatat nilai kekerapan yang paling tinggi iaitu 110 (27.57%) daripada jumlah keseluruhan iaitu 399 (100%). kelompok kedua antonim komplementer ini memperlihatkan kata “kecil/ berkecil” mempunyai bilangan yang tinggi iaitu diulang sebanyak 85 (21.30%) berbanding dengan kata yang berlawanan makna dengannya iaitu kata “besar/membesarkan/dibesarkan” 25(6.27%). Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kata yang berlawanan dengan kata “kecil” ialah kata “besar”. Pengarang lebih gemar menggunakan kata “kecil” dalam ayat berdasarkan novel “Sangkar” iaitu ‘Berbicara dan kadangkala diajaknya si kecil itu bermain’(Sangkar, 2010, pg.220). Perkataan “kecil” yang digunakan dalam novel Sangkar ini kebanyakannya merujuk kepada watak anak kecil dan kanak-kanak.

Seterusnya, kelompok antonim komplementer yang mencatat nilai kedua tertinggi ialah kelompok antonim yang keempat berdasarkan Jadual 1 yang berjumlah 102 (25.56%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok antonim komplementer yang keempat ini memperlihatkan pengarang lebih banyak menggunakan kata “tua” dalam novel Sangkar yang berulang sebanyak 90 (22.55%) berbanding kata yang berlawanan dengannya iaitu kata muda yang berjumlah 12 (3.01%). Pengarang lebih mengutamakan penggunaan kata “tua” dalam novel beliau kerana perkataan tersebut digunakan untuk menggantikan kata ganti nama diri yang ketiga seperti penggunaan watak Mak Long yang digantikan dengan kata “si tua” seperti dalam ayat ‘ Suara Jazma meresap masuk ke telinga si tua itu’(Sangkar, 2010, pg.173). Perkataan “muda” hanya sedikit digunakan kerana pengarang kurang berfokus kepada deskriptif golongan muda walaupun watak utama dalam novel ini merupakan seorang remaja yang hanya berusia 21 tahun.

Di samping itu, kelompok antonim komplementer yang mempunyai jumlah kekerapan kedua tertinggi penggunaannya ialah kelompok antonim yang pertama dalam jadual 2 yang mencatat jumlah kekerapan sebanyak 53 (13.27%) daripada jumlah keseluruhan 399 (100%). Kelompok antonim yang pertama menunjukkan 10 kelompok kata yang berantonim komplementer dengan pasangan kata-kata yang terdapat dalam jadual 2. Kelompok antonim komplementer yang pertama menunjukkan kata “menangis” yang mempunyai bilangan kekerapan yang tinggi iaitu sebanyak 38 (9.52%) berbanding kata yang berlawanan dengannya iaitu kata “ketawa/ tertawa” iaitu sebanyak 15 (3.75%). Faktor utama yang menyebabkan pengarang lebih menggunakan kata “menangis” dalam novel Sangkar ini ialah novel ini bernada melankolik kerana ini novel ini lebih banyak mengisahkan kesedihan serta derita berbanding kegembiraan dan kebahagiaan. Contohnya, dalam ayat bab 1 ‘Dia menangis semahu-mahunya’ (Sangkar, 2010, pg.1).

Akhir sekali, kelompok antonim komplementer yang mempunyai nilai terendah kekerapan penggunaannya ialah kelompok antonim komplementer yang ketiga iaitu “rajin-malas” 8 (2.00%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok ketiga antonim ini menunjukkan kata “rajin” mempunyai bilangan kekerapan penggunaan dalam novel lebih rendah 3 (0.75%) berbanding kata yang berlawanan makna dengannya iaitu kata “malas” yang mempunyai kekerapan berjumlah 5 (1.25%). Pengarang lebih memilih sifat yang negatif iaitu “malas” berbanding “rajin” kerana watak-watak yang terdapat dalam novel Sangkar ini kebanyakannya mempunyai perwatakan yang negatif seperti malas. Contoh penggunaan kata “malas” dalam ayat berdasarkan novel “Sangkar” ialah ‘Malas aku nak salam’(Sangkar, 2010, pg.13). Kata “malas” dalam novel ini

bukan sahaja menunjukkan sikap malas untuk mengejarkan sesuatu pekerjaan malah digunakan untuk perasaan tidak suka atau benci terhadap seseorang.

Antonim Relasional

Antonim relasional ini menggambarkan makna yang semtrikal bagi anggota pasangannya. Hal ini berlaku kerana pasangan antonim itu mempunyai hubungan yang erat. Berdasarkan analisis kajian yang dilakukan dalam novel Sangkar, terdapat penggunaan antonim relasional yang mempunyai kekerapan tertinggi dan terendah.

Jadual 2: Kekerapan penggunaan leksikal antonim relasional dalam novel Sangkar

Bil.	Perkataan Antonim Relasional	Jumlah kekerapan	Peratusan (%)
1.	Doktor	6	13.95
	Pesakit	3	6.97
	Jumlah	9	20.92
2.	Lelaki	15	34.88
	Perempuan	5	11.62
	Jumlah	20	46.50
3.	Kakak	9	20.93
	Abang	5	11.62
	Jumlah	14	32.55
Jumlah keseluruhan		43	100

Penggunaan perkataan antonim relasional yang mempunyai kekerapan tertinggi ialah perkataan “lelaki” dan “perempuan”. Penggunaan perkataan “lelaki” sebanyak 15 kekerapan dengan peratusan (34.88%) dan “perempuan” berjumlah 5 kekerapan dengan peratusan (11.62%). Penggunaan semua perkataan antonim tersebut menunjukkan kekerapan tertinggi berjumlah 20 kekerapan (46.50%). Penggunaan perkataan antonim relasional terendah pula iaitu perkataan “doktor” dan “pesakit”. “Doktor” sebanyak 6 kekerapan dengan peratusan (13.65%) dan “pesakit” sebanyak 3 kekerapan (6.97%). Penggunaan semua perkataan antonim tersebut menjadikan perkataan tersebut antonim relasional terendah hanya sebanyak 9 kekerapan dengan peratusan (20.92%). Manakala perkataan antonim relasional berbaki menunjukkan hanya perkataan antonim kakak dan abang dengan kekerapan 9 (20.93%) dan 5 (11.62%). Kekerapan keseluruhan antonim berbaki tersebut ialah 20 kekerapan (46.50%). Dapatan analisis frekuensi ini ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan kekerapan penggunaan leksikal antonim relasional dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Berdasarkan novel tersebut hanya terdapat 3 kelompok antonim relasional sahaja yang telah diperoleh. Kelompok antonim relasional yang mempunyai jumlah kekerapan yang paling tinggi ialah kelompok yang kedua iaitu “lelaki-perempuan” berjumlah 20 (46.50%) daripada jumlah keseluruhan 43 (100%). Kelompok antonim relasional yang kedua ini memperlihatkan pasangan kata “lelaki” dan “perempuan”. Kekerapan penggunaan kata “lelaki” dalam Jadual 2 tersebut menunjukkan jumlah yang tinggi 15 (34.88%) berbanding kata “perempuan” yang hanya berjumlah 5 (11.62%). Penggunaan perkataan “perempuan” jarang digunakan dalam novel “Sangkar” tersebut walaupun watak perempuan/ wanita lebih ramai berbanding lelaki. Perkataan “lelaki” dalam novel ini merujuk kepada anak lelaki Herman serta memberi bayangan seorang lelaki tanpa diberikan nama watak pada awalnya dan dijadikan kata ganti nama diri yang ketiga dalam novel Sangkar. Salah satu daripada

contoh ayat yang boleh dipetik berdasarkan novel Sangkar menggunakan kata “lelaki” ialah ‘Fahmi bertemu teman-teman lelaki yang sebaya dengannya’ (Sangkar, 2010, pg.134).

Selain itu, kelompok antonim kedua tertinggi pula kelompok antonim relasional yang ketiga iaitu “Kakak-abang” berjumlah 14 (32.55%). Jadual 2 menunjukkan kata “Kakak” yang berantonim dengan kata “abang”. Kata “kakak” dan “abang” ini mempunyai hubungan yang sangat erat. Pengarang lebih mengutamakan penggunaan kata “kakak” dalam novel Sangkar yang diulangi sebanyak 9 (20.93%) berbanding kata “lelaki” yang berjumlah 5 (11.62%). Hal ini berlaku kerana dalam novel “Sangkar” pengkaji lebih banyak menyentuh kisah mengenai seorang adik yang mengkhianati kakaknya sendiri sehingga menghancurkan rumah tangga kakaknya. Maka, perkataan “kakak” ini kerap digunakan oleh pengarang. Contohnya dalam ayat ‘Biar pun kakaknya sudah tiada, namun hidupnya tidak akan tenang selagi kebenaran dan hakikat yang sebenarnya tidak terhurai’ (Sangkar, 2010, pg.212).

Akhir sekali, kelompok antonim relasional yang mencatat nilai terendah ialah kelompok antonim yang pertama iaitu “Doktor-pesakit” 9 (20.92%). Kelompok antonim relasional yang pertama memperlihatkan kata “doktor” yang berpasangan dengan kata “pesakit”. Nilai kekerapan penggunaan kata “doktor” sebanyak lebih tinggi 6 (19.35%) berbanding kata “pesakit” yang berjumlah 3 (6.97%). Kata “doktor” lebih kerap digunakan kerana “doktor” merupakan pekerjaan salah seorang watak utama iaitu Herman dalam novel Sangkar. Buktinya dalam ayat ‘Herman bertugas sebagai doktor manakala Farhan seorang pengurus bank’ (Sangkar, 2010, pg.23). Pengarang juga ada menggunakan kata “pesakit” ‘dalam novel ini kerana “pesakit” merupakan pasangan yang erat bagi “doktor” kerana tanpa pesakit, doktor tidak dapat melakukan pekerjaan. Buktinya dalam ayat ‘Dia menumpukan perhatiannya semula kepada pesakit yang sabar menanti’ (Sangkar, 2010 pg. 79).

Sinonim

Sinonim didefinisikan sebagai makna yang seerti. Menurut Grady (2000), sinonim merupakan perkataan yang berlainan bentuk ejaan atau bunyi tetapi mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Istilah sinonim ini tidak semestinya mempunyai seratus peratus persamaan seperti yang dianggap oleh masyarakat kerana menurut Abdullah (2006), tiada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja. Contohnya perkataan cantik bersinonim dengan lawa, jelita dan rupawan. Namun hal yang demikian, maksud lawa dalam perkara ini tidak semestinya hanya merujuk kepada rupa seseorang yang jelita namun berdasarkan perkataan dialek Melayu Sarawak (DMS) perkataan lawa tersebut membawa maksud “sombong”. Terdapat beberapa jenis sinonim dalam bidang semantik iaitu sinonim pinjaman, sinonim konteks, sinonim laras sosial, dan sinonim kolokasi.

Jadual 3: Kekerapan penggunaan leksikal sinonim dalam novel Sangkar

Bil.	Perkataan Sinonim	Jumlah Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Tenang	5	2.29
	Damai	8	3.66
	Harmoni	1	0.45
	Hening	3	1.37
	Jumlah	17	7.77
2.	Cantik	16	7.33
	Lawa	3	1.37
	Jumlah	19	8.70

3.	Sendu	1	0.45
	Sebak	2	0.91
	Sedih	37	16.97
	Duka	11	5.04
	Pilu	9	4.12
	Jumlah	60	27.49
4.	Sepi	6	2.75
	Sunyi	22	10.09
	Jumlah	28	12.84
5.	Pulang	31	14.22
	Balik	27	12.38
	Jumlah	58	26.60
6.	Degil	3	1.37
	Keras Kepala	2	0.91
	Keras Hati	1	0.45
	Jumlah	6	2.73
7.	Ceria	4	1.83
	Riang	26	11.92
	Jumlah	30	13.75
Jumlah Keseluruhan		218	100

Analisis kekerapan yang dilakukan dalam novel Sangkar memperlihatkan penggunaan perkataan sinonim yang mempunyai kekerapan yang tertinggi dan terendah. Berdasarkan analisis yang dibuat, perkataan sinonim yang lazim digunakan di dalam novel Sangkar ialah perkataan “sendu” 1 kekerapan dengan peratusan (0.45%) / ”sebak” 2 (0.91%) / “sedih” 37 (16.97%) / “duka” 11 (5.04%) / “pilu” 9 (4.12%) /. Penggunaan semua perkataan sinonim tersebut menunjukkan kekerapan yang tinggi berjumlah sebanyak 60 (27.49%) kekerapannya daripada jumlah keseluruhan. Analisis kajian juga menunjukkan penggunaan perkataan sinonim yang mempunyai bilangan kekerapan yang paling rendah iaitu perkataan "degil" sebanyak 3 kekerapan dengan peratusan (1.37%) / "keras kepala" 2 (0.91%) / "keras hati" 1 (0.45%). Manakala perkataan sinonim yang berbaki memperlihatkan julat kekerapan di antara 17-58 (7.77% - 26.60). Dapatan analisis frekuensi ini ditunjukkan di Jadual 3.

Jadual 3 menunjukkan kekerapan penggunaan leksikal sinonim dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Dalam Jadual 3 tersebut terdapat tujuh kelompok kata yang bersinonim. Pada bahagian perbincangan ini, pengkaji hanya akan menghuraikan serta membincangkan 3 kelompok sinonim tertinggi dan 1 kelompok sinonim yang terendah. Jadual 3 memperlihatkan kelompok sinonim yang ketiga merupakan kelompok sinonim yang paling banyak digunakan oleh pengarang dalam novel Sangkar berbanding kelompok sinonim yang lain yang mencatat nilai yang tertinggi iaitu 60 (27.49) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok ini memperlihatkan kata “sedih” mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 37 (16.97%) berbanding dengan perkataan yang bersinonim dengannya iaitu kata “sendu” 1 (0.45%), “sebak” 2 (0.91%), “duka” 11 (5.04%) dan “pilu” 9 (4.12%). Kelompok sinonim ini menduduki bilangan yang tertinggi kerana novel Sangkar ini lebih bersifat melankolik. Contoh penggunaan kata “sedih” yang lazim digunakan dalam ayat ialah ‘Hakikatnya, dia juga sedih mengenangkan nasib teman baiknya itu’(Sangkar, 2010, pg.2). Kata “sedih” lebih menjadi pilihan utama pengarang walaupun perkataan lain merupakan kata yang seerti dengannya kerana kata “sedih” lazim digunakan dalam masyarakat.

Seterusnya, kelompok sinonim kedua tertinggi memperlihatkan kelompok sinonim yang kelima menunjukkan kata “pulang” yang bermaksud pergi ke tempat asalnya menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Kelompok sinonim ini berjumlah 58 (26.60) daripada jumlah keseluruhan iaitu 218 (100%). Kata ini menjadi pilihan pengarang yang berulang sebanyak 31 (14.22%) berbanding dengan kata yang bersinonim dengannya iaitu kata “balik” yang hanya digunakan sebanyak 27 (12.38%). Meskipun kata ini bersinonim dengan kata “balik” berdasarkan Kamus Dewan dan Pustaka (2005), namun kata “pulang” ini lebih menjadi pilihan pengarang kerana lebih bersifat gramatis dan tidak terlalu formal untuk digunakan berbanding kata “balik”. Contohnya, ‘Lewat senja andak masih juga belum pulang’ (Sangkar, 2010, pg.38). Walau bagaimanapun, perbezaan kekerapan penggunaan kelompok sinonim ini tidak begitu ketara kerana hanya berbeza sebanyak 3 kekerapan.

Selain itu, kelompok sinonim ketiga tertinggi menunjukkan kelompok sosial yang ketujuh iaitu berjumlah 30 (13.75%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok sinonim ini memperlihatkan penggunaan kata “ceria” yang bermaksud sangat gembira, girang hati dan suka hati berdasarkan makna perkamusan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) serta bersinonim dengan kata “riang”. Kata ini mempunyai bilangan kekerapan yang sedikit iaitu pengulangan hanya sebanyak 4 (1.83%) berbanding kata yang seerti dengannya iaitu “riang” sebanyak 26 (11.92%). Pengarang lebih banyak menggunakan kata “riang” dalam novel untuk menggambarkan keriang watak kanak-kanak yang terdapat dalam novel Sangkar. Buktinya berdasarkan novel Sangkar dalam ayat ‘Dijatuhkan pandangan pada anak-anak yang riang bermain’ (Sangkar, 2010, pg.206).

Akhir sekali, kelompok sinonim yang mencatatkan bilangan paling rendah kekerapan penggunaannya ialah kelompok sinonim yang keenam dalam Jadual 3 berjumlah 6 (2.73%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok sinonim ini pula menunjukkan pengarang lebih banyak menggunakan kata “degil” iaitu kekerapan sebanyak 3 (1.375%) berbanding kata yang bersinonim dengannya iaitu “keras kepala” 2 (0.91%) dan kata “keras hati” 1(0.45%). Berdasarkan makna konseptual, maksud kata “degil” ialah tidak mahu atau tidak mudah menurut kata atau menerima nasihat, keras hati, tegar, keras kepala dan kepala batu. Berdasarkan konsep ini, jelaslah bahawa kata “degil” mempunyai hubungan yang sangat erat dengan kata “keras kepala” dan “keras hati”. Contoh penggunaan dalam ayat berdasarkan novel Sangkar ialah ‘Masing-masing degil dan keras kepala’(Sangkar 2010, pg.42). Walau bagaimanapun, kelompok sinonim ini mempunyai bilangan kekerapan yang paling minimum berdasarkan jumlah keseluruhan.

Meronomim

Meronomim pula bermaksud perkataan-perkataan yang digunakan bagi menunjukkan hubungan sebahagian daripada sesuatu perkara. Contohnya, tetikus, papan kekunci, monitor, pembesar suara dan cakera padat merupakan peralatan untuk menghasilkan sesebuah komputer maka peralatan tersebut merupakan meronomim kepada komputer. Berikut merupakan contoh, meronomim yang terdapat dalam novel Sangkar.

Jadual 4: Kekerapan penggunaan leksikal meronomim dalam novel Sangkar

Bil.	Perkataan Meronomim	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Rumah :		
	Tangga	23	12.43
	Pintu	57	30.81
	Tingkap	6	3.24
	Dinding	3	1.62

	Atap/ Bumbung	2	1.08
	Siling	2	1.08
	Bilik	20	10.81
	Dapur	22	11.89
	Jumlah	135	72.96
2.	Anggota Badan :		
	Tangan	20	10.81
	Kaki	17	9.89
	Jari	7	3.78
	Bahu	2	1.08
	Perut	3	1.62
	Jumlah	50	27.18
	Jumlah keseluruhan	185	100

Analisis data berdasarkan novel Sangkar menunjukkan terdapat dua kelompok meronim digunakan. Penggunaan perkataan meronim dengan kekerapan tertinggi ialah perkataan meronim bagi "rumah" iaitu "tangga" 23 kekerapan dengan peratusan (12.43%) / "pintu" 57 (30.81%) / "tingkap" 6 (3.24%) / "dinding" 3 (3.24%) / "atap/ bumbung" 2 (1.08%) / "siling" 2 (1.08%) / "bilik" 20 (10.81%) / "dapur" 22 (11.85%). Penggunaan semua perkataan meronim bagi rumah tersebut memperlihatkan kekerapan tertinggi sebanyak 135 kekerapan (72.96%). Perkataan meronim kedua yang digunakan dalam novel Sangkar merupakan meronim dengan kekerapan terendah. Perkataan meronim tersebut ialah meronim bagi "anggota badan" iaitu "tangan" 20 kekerapan dengan peratusan (10.81%) / "kaki" 17 (9.89%) / "jari" 7 (3.78%) / "bahu" 2 (1.08%) / "perut" 3 (1.62%). Penggunaan semua perkataan tersebut menunjukkan kekerapan yang tinggi berjumlah 50 kekerapan (27.18%). Dapatan analisis frekuensi ini ditunjukkan di Jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan kekerapan penggunaan leksikal meronim dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Dalam jadual 4 tersebut, terdapat dua kelompok meronim iaitu kata "rumah" dan "anggota badan". Penggunaan perkataan rumah dilihat mempunyai beberapa hubungan dengan beberapa perkataan lain yang digunakan di dalam novel Sangkar seperti "tangga", "pintu" "tingkap", "dinding", "atap / bumbung", "siling", "bilik" dan "dapur". Penggunaan perkataan meronim yang paling banyak diulang di dalam novel ialah perkataan "pintu". Kekerapan penggunaan kata "pintu" yang terdapat dalam novel Sangkar ini turut merujuk kepada pintu rumah, pintu bilik dan daun pintu. Berdasarkan Noor (2010), meronim ialah perkataan-perkataan yang menunjukkan sebahagian daripada seperti atap, dinding, lantai, tingkap, dapur ialah sebahagian daripada rumah oleh itu perkataan itu tersebut menjadi meronim kepada rumah. Dalam kelompok ini, pengarang lebih banyak mengutamakan penggunaan kata "pintu" yang diulang sebanyak 57 (30.81%) dalam keseluruhan novel berbanding "tangga", "dinding", "atap/ bumbung", "siling", "bilik" dan "dapur". Salah satu daripada contoh ayat yang mengandungi kata "pintu" yang terdapat dalam novel "Sangkar" ialah 'Tutup pintu, biar papa mandi dulu' (Sangkar, 2010, pg.64). Faktor utama yang menyebabkan kelompok meronim bagi "rumah" ini mempunyai bilangan kekerapan yang lebih tinggi kerana kebanyakan latar tempat yang dinyatakan dalam setiap bab novel Sangkar ini ditempatkan di rumah.

Seterusnya, kelompok meronim yang kedua memperlihatkan meronim kepada anggota badan yang terdapat dalam novel Sangkar. Kelompok ini menunjukkan kata "tangan" menjadi pilihan utama pengarang yang berjumlah 20 (10.81%) berbanding kata "kaki", "jari", "bahu", dan "rambut". Kata "bahu" mempunyai bilangan kekerapan terendah penggunaannya dalam kelompok ini berdasarkan keseluruhan novel Sangkar iaitu hanya

berjumlah 2 (1.08%) daripada jumlah keseluruhan 50 (27.18%). Perkara ini berlaku kerana kata “tangan” lebih banyak mempunyai fungsi yang pelbagai untuk digunakan dalam novel ini berbanding dengan kata “rambut” yang digunakan hanya untuk menghuraikan perwatakan watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut. Contoh ayat yang mempunyai penggunaan kata “tangan” dalam novel “Sangkar” ialah ‘Tangan kanannya menyeluk kocek kiri baju kurung yang lusuh yang labuh sampai ke lutut’ (Sangkar, 2010, pg.6). Oleh sebab itu, jelaslah di sini bahawa kekerapan pengulangan meronim bagi anggota badan mempunyai jumlah yang terendah iaitu 50 (27.18) berbanding meronim bagi rumah yang berjumlah 135 (72.96%) daripada jumlah keseluruhan 185 (100%).

Hiponim

Hiponim pula merujuk kepada perkataan-perkataan yang mempunyai hubungan insklusif atau pengelompokan dalam satu jenis atau himpunan golongan perkataan insklusif atau pengelompokan dalam satu jenis atau himpunan golongan perkataan. Menurut Grady (2000), hiponim ialah perkataan yang mempunyai makna yang boleh mencakupi makna perkataan yang lain, di samping mempunyai hierarki dengan sesuatu perkataan yang merupakan subordinat bagi sesuatu perkataan yang dikenali sebagai superordinat. Hiponim juga dikenali sebagai pasangan kata yang meliputi yang lain bukanlah perkataan yang berlawanan atau bertentangan. Menurut Palmer (1999), hiponim merujuk kepada hubungan antara penggolongan dengan anggotanya. Contohnya, bunga raya, mawar, orkid dan kemboja merupakan subordinat kepada bunga (superordinat).

Jadual 5: Kekerapan penggunaan leksikal hiponim dalam novel Sangkar

Bil.	Perkataan Hiponim	Kekerapan	Peratusan (100%)
1.	Bunga :		
	Bunga Orkid	1	0.57
	Bunga Raya	2	1.14
	Bunga Melur	2	1.14
	Bunga Tanjung	1	0.57
	Bunga Mawar	1	0.57
	Bunga Kemboja	1	0.57
	Jumlah	8	4.56
2.	Haiwan :		
	Serigala	13	7.47
	Cengkerik	2	1.14
	Kura-kura	1	0.57
	Burung	4	2.29
	Arnab	1	0.57
	Nyamuk	2	1.14
	Gajah	1	0.57
	Ayam	10	5.74
	Itik	1	0.57
	Buaya	1	0.57
	Ikan	13	7.47
	Unggas	1	0.57
	Udang	2	1.14
	Harimau	2	1.14
	Kambing	1	0.57
	Jumlah	55	31.52

3.	Kenderaan :		
	Kereta	18	10.34
	Van	2	1.14
	Motosikal	2	1.14
	Bas	6	3.44
	Jumlah	28	16.06
4.	Pekerjaan :		
	Nelayan	7	4.02
	Doktor	6	3.44
	Pengurus Bank	1	0.57
	Pendidik	1	0.57
	Jumlah	15	8.60
5.	Warna :		
	Hijau	6	3.44
	Putih	4	2.28
	Hitam	5	2.87
	Merah	26	14.94
	Biru	2	1.14
	Jumlah	43	24.67
6.	Tumbuh-tumbuhan :		
	Pokok Kelapa	7	4.02
	Pokok Pecah Periuk	1	0.57
	Pokok Getah	2	1.14
	Pokok Daun Kaduk	1	0.57
	Pokok Renek	1	0.57
	Rumput	10	5.74
	Pokok Hutan	2	1.14
	Pokok Kayu	1	0.57
	Jumlah	25	14.32
Jumlah Keseluruhan		174	100

Penggunaan semantik leksikal hiponim dalam novel Sangkar dapat dilihat mempunyai kekerapan penggunaan perkataan hiponim tertinggi dan terendah. Penggunaan perkataan hiponim bagi "haiwan" mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu perkataan "Serigala" 13 kekerapan dengan peratusan (7.47%) / "cengkerik" 2 (1.14%) / "kura-kura" 1 (0.57%) / "Burung" 4 (2.29%) / "Arnab" 1 (0.57%) / "Nyamuk" 2 (1.14%) / "Gajah" 1 (0.57%) / "Ayam" 10 (5.74%) / "Itik" 1 (0.57%) / "Buaya" 1 (0.57%) / "Ikan" 13 (7.47%) / "Unggas" 1 (0.57%) / "Udang" 2 (1.14%) / "Harimau" 2 (1.14%) / "Kambing" 1 (0.57%). Semua perkataan ini menunjukkan penggunaan hiponim yang tertinggi berjumlah 55 kekerapan (31.52%). Bagi penggunaan perkataan hiponim dengan kekerapan terendah pula dapat dilihat digunakan dalam perkataan hiponim "Bunga" iaitu perkataan "Bunga Orkid" 1 kekerapan dengan peratusan (0.57%) / "Bunga Raya" 2 (1.14%) / "Bunga Melur" 2 (1.14%) / "Bunga Tanjung" 1 (0.57%) / "Bunga Mawar" 1 (0.57%) / "Bunga Kemboja" 1 (0.57%).

Penggunaan semua perkataan hiponim tersebut menunjukkan kekerapan terendah sebanyak 8 kekerapan (4.56%). Manakala perkataan hiponim yang berbaki memperlihatkan julat kekerapan diantara 15-43 kekerapan (8.60%-24.67%). Dapatan analisis frekuensi ini ditunjukkan dalam bentuk Jadual 5. Jadual 5 menunjukkan kekerapan penggunaan leksikal hiponim dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. Terdapat enam kelompok hiponim yang telah diperolehi dalam novel tersebut iaitu kelompok hiponim bunga, haiwan, kenderaan,

pekerjaan, warna dan tumbuh-tumbuhan. Dalam huraian data ini, pengkaji hanya menghuraikan 3 kelompok hiponim yang mempunyai jumlah kekerapan yang tertinggi dan satu kelompok hiponim yang mempunyai nilai yang paling rendah daripada jumlah keseluruhan. Kelompok hiponim yang menduduki jumlah kekerapan yang paling tinggi ialah kelompok hiponim yang kedua yang memperlihatkan hiponim bagi haiwan berjumlah 55 (31.52%) daripada jumlah keseluruhan. Dalam novel Sangkar ini memperlihatkan penggunaan hiponim bagi haiwan yang banyak iaitu Haiwan : Serigala, cengkerik, kura-kura, burung, arnab, nyamuk, gajah, ayam, itik, buaya, ikan, unggas, udang, harimau, kambing. Walaupun terdapat banyak subordinat bagi hiponim haiwan ini, namun, kekerapan pengulangannya dalam keseluruhan novel amatlah sedikit. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jumlah kekerapan “kura-kura”, “arnab”, “gajah”, “Itik”, “buaya”, “unggas” dan “kambing” masing-masing mempunyai jumlah yang sama iaitu 1 (0.57%). Kekerapan yang tinggi dapat dilihat pada haiwan “ikan” dan “serigala” masing-masing berjumlah 13 (7.47%).

Selain itu, kelompok hiponim yang mempunyai jumlah kekerapan kedua tinggi ialah kelompok hiponim kepada kata “warna” yang berjumlah 43 (24.67%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok hiponim warna ini memperlihatkan pengarang lebih banyak menggunakan warna “merah” yang berjumlah 26 (14.94%) berbanding dengan warna lain iaitu warna “hijau”, “putih”, “hitam”, “merah” dan “biru”. Faktor utama kekerapan penggunaan warna “merah” dalam novel Sangkar ini kerana kebanyakan penggunaan warna “merah” ini merujuk kepada kisah Si Topi Merah yang diceritakan oleh watak Jazma kepada anak-anak Herman disebut secara berulang kali. Bukti penggunaan warna “merah” dalam ayat berdasarkan novel Sangkar ialah ‘Lepas tu Si Topi Merah pun berjalan-jalan riang menuju ke rumah neneknya’ (Sangkar, 2010, pg. 128).

Seterusnya, kelompok hiponim yang menduduki jumlah kekerapan ketiga yang tertinggi ialah kelompok hiponim bagi kata kenderaan: kereta, van, motosikal dan bas yang berjumlah 28 (10.06%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok hiponim bagi kenderaan ini memperlihatkan penggunaan kata “kereta” lebih kerap digunakan oleh pengarang yang diulang sebanyak 18 (10.34%) berbanding van 2 (1.14%), motosikal 2 (1.14%) dan bas 6 (3.44%). Berdasarkan novel Sangkar ini, “kereta” telah menjadi pilihan utama pengarang kerana “kereta” merupakan pengangkutan utama watak si Herman. Penggunaan kata “kereta” ini boleh dilihat melalui ayat ‘Kereta dipandu terus menuju ke kawasan perkuburan.’ (Sangkar, 2010, pg.205).

Akhir sekali, kelompok hiponim yang mempunyai jumlah kekerapan yang paling rendah dalam novel ini ialah kelompok hiponim yang pertama dalam jadual 4 iaitu hiponim bagi bunga yang mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 8 (4.56%). Antara hiponim kepada bunga : orkid, raya, melur, tanjung, mawar dan kemboja. Pengarang lebih kerap menggunakan “bunga raya” dan “bunga melur” yang mempunyai jumlah yang sama iaitu masing-masing berjumlah 2 (1.14%) berbanding jenis bunga yang selebihnya. Bukti penggunaan hiponim bunga dalam novel ini ialah ‘Kalau dulu, suaminya sering memetikkan bunga tanjung, bunga melur, bunga mawar dan diberikan kepadanya’ (Sangkar, 2010, pg. 100).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor, wujud semantik leksikal yang digunakan oleh pengarang iaitu sinonim, antonim, hiponim dan meronim. Jumlah kekerapan dan peratusan bagi keseluruhan semantik leksikal ini mencatat nilai kekerapan sebanyak 1019 (100%). Jenis semantik leksikal yang menjadi pilihan utama pengarang dalam novel Sangkar ialah semantik leksikal antonim yang mencatat bilangan

kekerapan paling tinggi dalam keseluruhan novel iaitu 442 (43.37%) termasuk antonim komplementer dan relasional berbanding dengan kekerapan jumlah sinonim 218 (21.39%), hiponim 174 (17.07%) dan meronim 185 (18.15%) daripada jumlah keseluruhan 1019 (100%). Berdasarkan jumlah semantik leksikal yang telah dinyatakan, hiponim 174 (17.07%) mempunyai bilangan kekerapan penggunaannya yang paling rendah berbanding jenis semantik leksikal yang lain.

Faktor utama yang menyebabkan leksikal antonim 442 (43.37%) menjadi sasaran utama pengarang dalam mengarang dan menulis novel Sangkar ialah untuk memberikan gambaran perbandingan positif dan negatif serta pasangan kata yang saling melengkapi terhadap sesuatu perkara yang terdapat dalam novel tersebut seperti perwatakan dan personaliti watak, suasana dan lain-lain. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk menarik minat dan memberi gambaran makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca mahupun khalayak ramai dalam pemilihan kata antonim yang bersesuaian dengan jalan cerita novel Sangkar. Hiponim menduduki bilangan kekerapan penggunaan yang paling rendah berjumlah 174 (17.07%) kerana penggunaan kelompok hiponim hanya diperlukan dalam memberi gambaran terhadap perkara-perkara tertentu seperti kewujudan jenis-jenis bunga, pekerjaan, warna dan lain-lain dan tidak kerap diulang dalam bab-bab yang lain.

Oleh sebab itu, kajian ini diharapkan boleh memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada masyarakat mengenai semantik leksikal seperti sinonim, antonim, hiponim dan meronim. Selain ini, diharapkan juga agar kajian ini dapat membantu pengkaji pada masa akan datang dalam mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan semantik leksikal sama ada kajian terhadap analisis kekerapan dan analisis teks seperti yang terkandung dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana ilmu semantik leksikal membolehkan pelbagai golongan dapat membezakan sesuatu makna dari perspektif yang berbeza.

RUJUKAN

- Abdullah, H. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: Akademia.
- Adenan, K. M., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Aziz, S. H. A. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Chaer, A. (2009). *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana muda). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.

- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M., & Subet, M. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., Wahap, N. H., & Lokman, M. N. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 8(1), 27-40.
- Grady, W. O. (2000). *Contemporary linguistic analysis*. Boston, MA: Addison-Wesley Longman.
- Hamid, N. A. (2014). Polisemi kata hubung 'dengan' dalam novel salinan karya A. Samad Said: Satu analisis dari sudut teori relevan. *Jurnal JSASS* 1(1), 1-18.
- Jalaluddin, N. H. (2014a). Semantik dan akal budi Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2014b). Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa. Retrieved from Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia website: http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norhasimah_jalaluddin
- Jalaluddin, N. H. (2015). Peribahasa 'Parasit' dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In Seminar Bahasa dan Sastera 2015 (pp. 281-293). Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamin, A. A., & Subet, M. F. (2018). Menghapus prejudis perkauman melalui karya Indie: Analisis terhadap novel Kunang Pesisir Morten. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68.
- Jamin, A., & Subet, M. F. (2020). Wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika*, 12(1), 1-10.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuiper, K., & Allan, W. S. (2010). *An introduction to English language: Word, sound and sentence*. London, MA: Palgrave Macmillan.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017a). Refleksi dualisme 'Durian-Timun' dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 001-014.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017b). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 185-201.
- Nor, S. M. (2010). *Sangkar*. Shah Alam, Selangor: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Noor, C. S. (2010, October 23). Semantik [Web log post]. Retrieved from <http://cikgunoorsgi.blogspot.com/2010/10/semantik.html>

- Palmer, J. C. (1999). Coherence and cohesion in the English language classroom: the use of lexical reiteration and pronominalisation. *RELC Journal*, 30(2), 61-85. doi:10.1177/003368829903000204
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slang kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. doi:10.31219/osf.io/jym6a
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.
- Zulfadinamis, N., & Salleh, C. I. (2015). Konsep sinonim dalam teks terjemahan novel “The Pearl” ke dalam bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 80-95.
- Zahid, I. (2019). Kata kerja dan hubungan leksikal dalam iklan produk kecantikan wanita. *Journal Issues in Language Studies*, 8(1), 65-80.